针对被指流泪为"演戏"一事，沙拉胡丁指出，他出生农民之家，流泪是有感而发，绝非作秀，况且他是男子，不轻易流泪。

沙拉胡丁周四出席"农业与农基工业部方向：2019-2020优先策略"推介礼时，大会播放了一名农夫依巴斯从巴西大港骑摩哆出发，到沙登农业展览馆，以便送交撰写农民心声的信函给沙拉胡丁，后者阅读信函时因一时感触，落下男儿泪。

前首相拿督斯里纳吉批评沙拉胡丁演戏，对此，沙拉胡丁表示，那一幕真的触动他的心灵。

"我是过来人，当过农民，知道他们的辛苦，那的确是短片，但触动我的心。"

他说，当他看到一个老人家骑摩哆从这么老远来，经历摩哆没汽油，与货卡发生碰撞，那一幕让他按耐不住情绪。

"我还是男子，没那么容易哭。"

沙拉胡丁说，他至今仍感有愧于农民，国家独立61年，仍无法将农民从贫困中解放，他要在有生之年做到这点。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2019 | BERITA HARIAN | SIHAT | 64 |



# Bahaya jangkitan virus rabies

**Air liur anjing gila merebak ke saluran sistem saraf pusat indvidu berisiko maut**



**Oleh Nor Hatina Shuib**
hatina@bh.com.my

Ramai menyangka virus anjing gila berlaku secara semula jadi dan berada dalam tubuh seekor anjing.

Pendapat ini tidak benar kerana virus anjing gila atau secara saintifik dikenali sebagai virus rabies dipercayai berasal daripada kelawar hutan.

Pensyarah Kanan, Program Sains Bioperubatan dan Pusat Sains Kesihatan dan Gunaan, Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Yap Wei Boon, berkata kelawar kemudiannya merebakkan virus ini pula kepada haiwan liar lain di dalam hutan.

Katanya, virus rabies tidak muncul semula jadi di dalam badan anjing.

"Bagaimanapun, anjing peliharaan manusia boleh dijangkiti menerusi interaksi atau pergaduhan dengan haiwan liar yang dijangkiti virus sama.

"Anjing peliharaan itu mungkin sudah dijangkiti ketika dibawa sekali menjalankan aktiviti seperti pembukaan tanah, berkebun dan pemburuan di hutan," katanya kepada BH.

Dr Yap berkata, anjing yang dijangkiti virus rabies biasanya akan berkelakuan agresif dan ganas kerana kerosakan sistem saraf pusat.

"Apabila anjing yang dijangkiti itu kembali semula ke tempat kediaman manusia, ia mudah menyerang manusia atau haiwan lain yang berkeliaran di sekelilingnya.

"Virus merebak berlaku daripada anjing kepada anjing atau haiwan liar lain dan manusia menerusi gigitan," katanya.

## Merebak menerusi air liur anjing

Dr Wei Boon berkata, jangkitan virus rabies dalam kalangan manusia pula berlaku melalui gigitan haiwan, terutama anjing.

"Virus rabies boleh merebak melalui air liur anjing dan pada luka gigitan.

"Oleh kerana virus itu mempunyai 'perumah' yang tidak hanya khusus kepada anjing atau haiwan lain, manusia juga berisiko tinggi terkena jangkitan," katanya.

Haiwan peliharaan lain seperti kucing yang mempunyai kekerapan berinteraksi dengan anjing liar juga boleh menjangkitkan virus rabies pada manusia.

"Ramai tidak sedar bahawa pemilik haiwan peliharaan juga berisiko dijangkiti virus ini.

"Mereka yang bekerja di kawasan berisiko tinggi seperti pegawai veterinar dan pekerja pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terbabit dalam pemburuan dan pengawasan anjing liar selain pelancong berisiko mendapat penyakit rabies," katanya.

Dr Wei Boon berkata, individu yang berisiko tinggi disarankan mengambil vaksin rabies (pre-exposure vaccination) bagi mengelakkan jangkitan.

## Vaksin kawal penyakit

Katanya, saranan pengambilan vaksin itu dilihat lebih memudahkan pengendalian jangkitan rabies.

"Sebaik seseorang itu digigit haiwan seperti anjing yang sudah dijangkiti rabies, tubuh mangsa akan mengalami tempoh pengeraman virus atau dikenali sebagai tempoh masa diperlukan untuk virus membiak.

"Virus ini akan merebak daripada luka gigitan ke sistem saraf pusat.

"Tempoh ini boleh mengambil masa beberapa minggu hingga beberapa bulan dari tempoh terkena gigitan," katanya.

## Rawatan segera amat diperlukan

Dr Wei Boon berkata, rawatan segera amat diperlukan agar kebarangkalian untuk mengelakkan virus merebak ke sistem saraf pusat tinggi.

Katanya, sekiranya positif rabies, rawatan secara lengkap boleh diberikan bagi mengelakkan virus itu merebak ke sistem saraf pusat yang boleh mengakibatkan kematian.

"Individu terkena gigitan memerlukan tempoh pengawasan patuh selama 10 hari sehingga haiwan itu dibuktikan negatif rabies.

"Orang ramai perlu menghubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar terdekat untuk maklumkan kes gigitan agar penangkapan dapat dijalankan segera," katanya.



> "Sebaik seseorang itu digigit haiwan seperti anjing yang sudah dijangkiti rabies, tubuh mangsa akan mengalami tempoh pengeraman virus atau dikenali sebagai tempoh masa diperlukan untuk virus membiak"
>
> ***Dr Yap Wei Boon,***
> *Pensyarah Kanan, Program Sains Bioperubatan dan Pusat Sains Kesihatan dan Gunaan, Fakulti Sains Kesihatan UKM*

## Sejarah rabies

- **Berdasar maklumat** Kementerian Kesihatan rabies dikesan seawal 1884, namun hanya direkod pada 1924.
- **Dalam tempoh 1996 sehingga 1999,** kejadian rabies kepada manusia yang terakhir direkod adalah pada 1998
- **Rabies kepada haiwan** kali terakhir direkod pada 1999.
- **Pada 1996 sehingga 1999,** rabies muncul semula dalam manusia dan haiwan.
- **Pada 2012, Malaysia** diberi status 'bebas rabies' oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

## Simptom anjing dijangkiti rabies

- **Takut air**
- **Takut suara**
- **Air liur berlebihan**
- **Gelisah dan agresif**
- **Menyendiri**
- **Takut cahaya**
- **Menggigit apa saja yang ada disekitarnya (benda atau orang)**



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/2/2019 | BERITA HARIAN | SIHAT | 65 |

**Info**

## Kesan serangan

**Menyebabkan keradangan otak pada manusia dan mamalia lain**

## Gejala

- → Demam
- → Bertindak ganas
- → Keseronokan tidak terkawal
- → Takut kepada air
- → Kekeliruan dan tidak sedar diri

## Perkara perlu dielakkan

- → **Pastikan anjing peliharaan** mendapat suntikan antirabies di klinik haiwan terdekat
- → **Elakkan diri daripada digigit** oleh anjing atau haiwan lain;
- → **Jika anjing atau kucing peliharaan** didapati berubah tingkah laku termasuk agresif
- → **Dapatkan rawatan** segera di klinik haiwan
- → **Laporkan** kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhampiran.
- → **Laporkan kepada PBT** jika terdapat anjing liar yang berkeliaran di kawasan tempat tinggal
- → **Amalkan penjagaan kebersihan diri** seperti cuci tangan dengan sabun selepas menyentuh haiwan peliharaan.




**Fakta nombor**

**99 PERATUS**
manusia dijangkiti virus rabies berakhir dengan kematian selepas mengalami sawan

**1 PERATUS**
kemungkinan haiwan lain dijangkiti rabies



BH ONLINE

### Jangan bawa anjing ke Taiping, Bukit Gantang

IPOH: Orang ramai dinasihatkan tidak membawa pulang anjing dari kawasan lain ke mukim Taiping dan Bukit Gantang di daerah Larut Matang dan Selama (LMS) pada Sambutan Tahun Baharu Cina kali ini bagi mengelakkan risiko jangkitan penyakit rabies atau anjing gila.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Dr Ahmad Shabri Hassan, berkata dingatkan kepada orang ramai bahawa pewartaan daerah LMS sebagai kawasan jangkitan sehingga kini masih berkuatkuasa dan belum ditarik balik sejak ia diwartakan pada 14 ...

... pihak perlu terus mengambil langkah berjaga-jaga, orang ramai juga tidak ... membawa keluar anjing dari kawasan pewartaan kecuali dengan kebenaran

**Info**

- → Seorang warga emas berusia 60 tahun dari Kampung Sungai Duhit, Serian disahkan meninggal dunia akibat jangkitan rabies atau anjing gila di Kuching, Sarawak awal tahun ini
- → Mukim Taiping dan Bukit Gantang di daerah Larut Matang dan Selama (LMS) diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies atau anjing gila berikutan empat sampel diambil di kawasan itu mendapati positif wabak berkenaan
- → Pada 1 Julai 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat kes rabies dari daerah Serian, Sarawak yang disahkan melalui ujian makmal pada 30 Jun 2017
- → Jumlah kes rabies sehingga 18 Julai 2017, empat orang semuanya meninggal dunia
- → Jumlah kematian akibat rabies dalam kalangan manusia di Sarawak ialah 16 kes sejak pengisytiharan wabak pada 1 Julai 2017




### Fakta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sehingga Mac 2017

- → Rabies virus boleh dicegah dengan vaksin
- → Berlaku di lebih 150 negara dan wilayah
- → Dianggarkan sehingga 99 peratus daripada kes kematian disebabkan gigitan anjing
- → Lebih 95 peratus kematian manusia berlaku di rantau Asia
- → Sehingga 40 peratus mangsa yang digigit adalah kanak-kanak di bawah usia 15 tahun.
- → WHO, Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE), Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dan Perikatan Global Kawalan Rabies menetapkan sasaran global sifar kematian rabies manusia pada 2030
- → Lebih daripada 15 juta orang di seluruh dunia menerima suntikan selepas gigitan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/2/2019 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# FAMA mahu buka lebih banyak Bazar Peduli Rakyat



ISHAK

**KOTA BHARU** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membuka lebih banyak Bazar Peduli Rakyat (BPR) di seluruh negara bagi membantu golongan penternak, peladang dan nelayan memasarkan hasil mereka secara terus kepada pengguna.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, agensi itu juga sedang memastikan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang sesuai untuk dijadikan tapak tambahan bagi petani menjual hasil mereka.

"Ia selaras dengan usaha kerajaan untuk menyediakan lebih banyak tapak kepada golongan peladang, penternak dan nelayan berniaga, seterusnya meningkatkan pendapatan golongan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Karnival Bazar Peduli Rakyat di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini semalam. Turut hadir Pengarah FAMA Kelantan, Mohd. Arifin Awang.

BPR di RTC Kelantan itu adalah kedua selepas BPR Pulau Pinang yang dilancarkan pada awal Januari lepas. BPR dirancang diadakan di 749 tapak pasar tani seluruh negara.

Terdahulu, Ishak turut menyampaikan motosikal roda tiga kepada usahawan muda, Md. Afandi Ilias dari Kota Bharu yang menjalankan perniagaan menjual ikan, sayur, buah-buahan, barang runcit dan santan.

Turut menerima kemudahan motosikal itu ialah Marina Ibrahim dari Pasir Putih yang berniaga buah-buahan dan sayur-sayuran. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/2/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

# Bagaimana nasib penternak ayam?

**KUALA LUMPUR 15 Feb.** - Pelan keselamatan makanan yang dilancarkan semalam masih belum lengkap dan tidak dibuat secara menyeluruh bagi meningkatkan industri penternakan dan pertanian negara.

Malah, pelan dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub itu masih kurang jelas berkenaan tahap pelaksanaannya bagi membantu golongan yang berkecimpung dalam bidang berkaitan.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor, Datuk Ishak Mat Arif berkata, apa yang mengecewakan, golongan penternak ayam pedaging di Selangor dibebani dengan pelbagai cukai termasuk cukai Jabatan Veterinar dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).



**ISHAK MAT ARIF**

"Nasib kita seolah-olah diabaikan. Tiada bantuan atau subsidi. Yang ada hanyalah cukai termasuk daripada agensi lain termasuk LUAS, walhal kami basuh reban pun kira-kira dua ke tiga bulan sekali dan jarang gunakan perkhidmatan mereka.

"Menteri kena datang dan tengok nasib kami. Ambil tahu bagaimana kami perlu tanggung segala kenaikan kos seperti makanan ternakan, ubat-ubatan serta kos lain dan buat pelan secara menyeluruh," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengemukakan lima hala tuju ke arah memacu jaminan keselamatan makanan negara dan meningkatkan pendapatan dalam sektor tersebut.

Dalam pada itu, Ishak berkata, pihaknya mahu mengadakan pertemuan dengan Salahuddin bagi membincangkan masalah yang dihadapi mereka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/2/2019 | BERITA HARIAN | MINDA PENGARANG | 10 |

Minda Pengarang

# Terjemahkan tangisan bela nasib petani, nelayan

Luahan hati Ibas Hamud, 77, sebagai wakil petani menerusi surat yang dibaca pada majlis pelancaran hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas kelmarin hingga menyebabkan Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub menitis air mata, membawa seribu makna.

Kita pun turut terkesan dengan peristiwa ini, tetapi Salahuddin sendiri juga harus menterjemahkan titisan air matanya itu, untuk menggembirakan petani dan nelayan selepas ini. Bertindak untuk terus memperjuangkan nasib golongan tani dan nelayan. Surat yang dibaca itu antara lain meluahkan kebimbangan dan kegusaran petani serta nelayan dengan pemotongan elaun sara diri kumpulan itu.

Walaupun Salahuddin semalam menafikan elaun sara hidup nelayan dan subsidi kepada petani dihentikan seperti terkandung dalam surat dibacakannya itu, segala bentuk bantuan untuk golongan ini perlu dipertingkatkan lagi.

Golongan ini adalah sebahagian besar kelompok masyarakat dalam kalangan miskin yang memerlukan bantuan kerajaan demi kelangsungan hidup. Selain elaun sara hidup, kita berharap bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah, subsidi baja padi, insentif pengeluaran padi terus diberikan. Insentif bersasar nelayan juga perlu dipastikan sampai ke kumpulan sasar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2019 | SINAR HARIAN | TENGAH | 17 |

# Kerajaan usaha bawa balik bot nelayan kita

KUANTAN - Kerajaan menerusi Kementerian Luar dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang berusaha membawa balik bot nelayan yang ditahan pihak berkuasa Indonesia di barat Pulau Talang, Perak, kelmarin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman berkata, kejadian itu berlaku disebabkan kekeliruan antara pihak berkuasa Indonesia dan Malaysia berhubung sempadan maritim diperairan negara ini.

Beliau menegaskan penahanan bot nelayan tempatan itu dibuat dalam kawasan perairan negara kita.

"Kita sedang berusaha untuk membawa pulang bot yang ditahan dalam kejadian berkenaan menerusi rundingan dua kementerian terbabit.

"Buat masa ini, kita percaya dan mempunyai asas untuk mengatakan bahawa (penahanan) itu tidak sah kerana (bot berkenaan) berada di perairan negara sebelum ditahan pihak berkuasa Indonesia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Ulangtahun Ke-14 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar dan Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Alwi Ibrahim.

Kelmarin, sebuah bot nelayan tempatan ditahan pihak penguasa Indonesia ketika masih berada dalam perairan Malaysia.

Penahanan bot nelayan tempatan PKFB 1689 dari Pantai Remis, Perak itu membabitkan empat pekerja iaitu seorang warga Thailand dan tiga warga Kemboja

Mengulas lanjut perkara itu, Mohd Azis berkata, perkara terbabit boleh diselesaikan secara diplomasi diantara Malaysia dan Indonesia dalam kadar segera.

"Saya percaya isu ini boleh diselesaikan dan kita boleh membawa balik bot nelayan tidak lama lagi," katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan, perbincangan lebih teliti dengan pihak berkuasa Indonesia perlu dilakukan segera bagi memastikan pihak berkuasa kedua-dua negara mengenalpasti sempadan maritim masing-masing.

Katanya, di kawasan terbabit semenangnya sudah ada rundingan dan bagi menyelesaikan isu pertindihan semasan antara kedua-dua negara.

"Kita sudah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung perkara itu tahun 2012 dan sepatutnya kedua-dua negara sedia maklum bahawa tidak ada tangkapan atau penahanan boleh dilakukan di kawasan (sempadan) bertindih itu.

"Jadi, kita harap perkara seperti ini dapat dibincangkan dengan lebih jelas dan diplomasi untuk mencari jalan penyelesaian," katanya.



**Mohd Aziz memeriksa perbarisan pada Sambutan Hari Ulangtahun Ke-14 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 9 |

# Kerajaan ada bukti nelayan kita tak ceroboh perairan

**Kuantan:** Kerajaan mempunyai bukti mencukupi untuk menunjukkan bot nelayan tempatan yang ditahan pihak berkuasa Indonesia tidak menceroboh sempadan perairan, sebaliknya berada dalam kawasan perairan Malaysia.

Berikutan itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Kementerian Luar sedang berusaha membawa pulang bot nelayan yang ditahan pihak berkuasa Indonesia di barat Pulau Talang, Perak, pada Rabu lalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman, berkata berlaku kekeliruan di antara pihak berkuasa Indonesia dan Malaysia mengenai sempadan maritim kerana penahanan bot nelayan tempatan itu dilakukan dalam kawasan perairan negara ini.

"Kita sedang berusaha membawa pulang bot ditahan itu dan usaha ini juga membabitkan kerjasama Kementerian Luar dan Kerajaan Indonesia. Buat masa ini, kita percaya dan ada asas untuk mengatakan bahawa ia (penahanan) tidak sah.

## Selesai isu secara diplomasi

"Bot berkenaan berada di perairan negara sebelum ditahan pihak berkuasa Indonesia," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-14 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Seri Zulkifli Abu Bakar dan Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Alwi Ibrahim.

Beliau berkata, isu berkenaan boleh diselesaikan secara diplomasi dua negara berjiran.

"Sebab itu KDN turut minta bantuan Kementerian Luar untuk menyatakan perkara ini kepada mereka (Indonesia). Saya percaya isu ini boleh diselesaikan dan kita boleh bawa balik bot nelayan itu tidak lama lagi," katanya.

Bot nelayan tempatan PKFB 1689 dari Pantai Remis, Perak itu ditahan bersama empat awak-awak, iaitu seorang warga Thailand dan tiga warga Kemboja, namun semua sudah dibebaskan.

Mengenai insiden sama yang dikatakan empat kali berlaku sepanjang bulan ini, Mohd Azis berkata, perbincangan lebih teliti dengan Indonesia perlu dilakukan segera bagi memastikan pihak berkuasa kedua-dua negara mengenal pasti sempadan maritim masing-masing.

"Memang ada pertindihan sempadan maritim di antara Malaysia dan Indonesia tetapi kita sudah memeterai memorandum persefahaman (MoU) berhubung perkara itu pada 2012. Sepatutnya kedua-dua negara sedia maklum bahawa tiada tangkapan atau penahanan boleh dilakukan di kawasan (sempadan) bertindih.

"Jadi, kita harap perkara seperti ini dapat dibincangkan dengan lebih jelas dan diplomasi bagi mencari jalan penyelesaian supaya ia tidak berulang," katanya.

> KDN turut minta bantuan Kementerian Luar untuk nyatakan perkara ini kepada mereka (Indonesia). Saya percaya isu ini boleh diselesaikan dan kita boleh bawa balik bot nelayan itu tidak lama lagi"
>
> ***Mohd Azis Jamman,***
> *Timbalan Menteri Dalam Negeri*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2019 | UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN KOTA | 19 |



AKSI sebahagian penunggang yang mengambil bahagian dalam Jelebu Eco Ride, di Negeri Sembilan, baru-baru ini.



BOLA sepak sawah antara acara yang menarik perhatian peserta remaja sempena Pesta Mengemping dan Jelebu Eco Ride 2019, baru-baru ini.

# Pesta Mengemping, Jelebu Eco Ride 2019 meriah

**JELEBU 15 Feb.** - Suasana damai dan tenang di Homestay Sungai Buloh, di sini berubah bagaikan pesta sepanjang berlangsungnya Pesta Mengemping dan Jelebu Eco Ride 2019 baru-baru ini.

Acara yang disertai kira-kira 1,000 peserta itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir.

Bakri berkata, program anjuran bersama Majlis Daerah Jelebu dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan itu bertujuan mempromosikan kawasan Homestay Sungai Buloh sebagai produk pelancongan inap desa di daerah Jelebu.

Katanya, pelbagai aktiviti dianjurkan sepanjang program itu antaranya 'mengemping', menangkap ikan menggunakan tangan atau mengoca, bola sepak sawah, persembahan kebudayaan, pertandingan memikat burung, pameran dan jualan serta *eco ride*.

"Pesta Mengemping adalah aktiviti keramaian yang dijalankan semasa musim me-nuai padi di Kampung Sungai Buloh.

"Semasa pesta ini, penduduk kampung akan berkumpul dan bersama-sama menyediakan emping padi.

"Paling teruja adalah aktiviti 'mengoca' yang disertai kira-kira 300 peserta lelaki dan perempuan daripada kanak-kanak hingga dewasa.

"Pelbagai aksi dan ragam peserta dapat dilihat sepanjang acara berlangsung," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Klawang berkata, acara itu turut memperkenalkan trek motosikal lasak sejauh 40 kilometer di daerah Jelebu.

"Trek ini melalui beberapa produk eko pelancongan seperti Jeram Enggang, Jeram Gajah dan Jeram Sungai Pah menghala Sungai Buloh," katanya.



PELBAGAI ragam dan gelagat dapat dilihat sepanjang aktiviti 'mengoca' di Homestay Sungai Buloh, Jelebu, baru-baru ini.



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mentan: Harga Beras Indonesia Bukanlah Termahal di Dunia | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Mentan: Harga Beras Indonesia Bukanlah Termahal di Dunia

Menteri Pertanian (Mentan), Andi Amran Sulaiman, menegaskan harga beras eceran di Indonesia bukanlah termahal di dunia. Menurut dia, harga beras ecera
Baca tapak asal

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin sedia menghadap Sultan Johor | | |
| MediaTitle | Malaysiakini(www.malaysiakini.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Salahuddin sedia menghadap Sultan Johor

News | Diterbitkan Hari ini 4:16 petang | Dikemaskini Hari ini 4:16 petang
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub sedia menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar untuk memberi penjelasan berhubung isu berceramah dalam sebu...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin prepared to meet Johor sultan over mosque speech | | |
| MediaTitle | Malaysiakini(www.malaysiakini.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Salahuddin prepared to meet Johor sultan over mosque speech

Agriculture and Agro-based Industries Minister Salahuddin Ayub is prepared to meet Johor's Sultan Ibrahim Sultan Iskandar to explain his speech at a mosque in Johor Bahru yesterday.
This comes after the sultan issued a royal rebuke to Salahuddin for alle...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Saya bersedia menghadap Sultan Johor - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Saya bersedia menghadap Sultan Johor - Salahuddin

JOHOR BAHRU: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, menyatakan kesediaannya untuk menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, untuk memberi penjelasan berhubung isu berceramah di sebuah masjid di sini semalam.
Baca t...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Guan Eng tidak peduli ekonomi rakyat buat menteri menangis, kata Khairy | | |
| MediaTitle | Oh Semput (www.ohsemput.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Guan Eng tidak peduli ekonomi rakyat buat menteri menangis, kata Khairy

Posted on 16 Feb 2019 13:01:43AddThis Sharing ButtonsKhairy Jamaluddin berkata semua itu merupakan kerja Kementerian Kewangan, yang dilihat 'tidak kisah tentang ekonomi rakyat'. — Foto oleh Miera Zulyana KUALA LUMPUR, 16 Feb — Khairy Jamaluddin menyifatk...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin denies political talk in mosque | | |
| MediaTitle | The Malaysian Insight ENG (www.themalaysianinsight.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Salahuddin denies political talk in mosque

AGRICULTURE and Agro-based Industry Minister Salahuddin Ayub denied giving political talks at the Kolam Air Mosque in Johor Baru before Friday prayers, last week.
The Pulai MP said, on the contrary, his speech was religious and did not touch on partisan ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin nafi ceramah politik di masjid | | |
| MediaTitle | The Malaysian Insight (www.themalaysianinsight.com/bahasa) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Salahuddin nafi ceramah politik di masjid

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani Salahuddin Ayub menafikan beliau memberikan ceramah politik di Masjid Kolam Air, Johor Baru sejurus sebelum solat Jumaat minggu lalu.
Ahli Parlimen Pulai itu sebaliknya berkata, ucapan yang disampaikannya adalah b...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Didakwa ceramah politik di masjid, TMJ gesa Salahuddin Ayub dikenakan tindakan | | |
| MediaTitle | Oh Semput (www.ohsemput.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Didakwa ceramah politik di masjid, TMJ gesa Salahuddin Ayub dikenakan

Didakwa ceramah politik di masjid, TMJ gesa Salahuddin Ayub dikenakan tindakan
Posted on 16 Feb 2019 09:02:43AddThis Sharing ButtonsDikemas kini 33 minit yang lalu · Diterbitkan pada 16 Feb 2019 4:29PM ·Menteri Pertanian Salahuddin Ayub didakwa menyampai...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Menteri guna masjid untuk ceramah politik tidak jadi teladan baik | | |
| MediaTitle | Malaysia Gazette (malaysiagazette.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Menteri guna masjid untuk ceramah politik tidak jadi teladan baik

KUALA LUMPUR – Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ) amat terkilan dengan perbuatan Datuk Salahuddin Ayub menggunakan pentas khutbah Jumaat membuat ceramah politik.
Perbuatan ini benar benar telah mencemar kesucian agama Islam sebagai agama yang menyatupaduka...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Didakwa ceramah politik di masjid, TMJ gesa Salahuddin Ayub dikenakan tindakan | | |
| MediaTitle | The Malaysian Insight (www.themalaysianinsight.com/bahasa) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Didakwa ceramah politik di masjid, TMJ gesa Salahuddin Ayub dikenakan

Dikemas kini 7 minit yang lalu · Diterbitkan pada 16 Feb 2019 4:29PM · 0 Komen
TUNKU Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim menggesa pihak berkuasa agama negeri menyiasat dan mengambil tindakan segera terhadap Menteri Pertanian Salahuddin Ayub yang di...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TMJ tempelak tindakan berpolitik dalam masjid | | |
| MediaTitle | Utusan Online(www.utusan.com.my) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 3 | Readership | 8 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,500 |

# TMJ tempelak tindakan berpolitik dalam masjid

JOHOR BAHRU 15 Feb. - Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim menempelak tindakan seorang ahli politik yang dipercayai memberi ceramah politik dalam masjid di Kolam Air di sini semalam.
Tunku Ismail akan menyiasat perkara tersebut dan akan ambil...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Umno: Jangan hanya menangis, menteri kena lantang bela rakyat | | |
| MediaTitle | Malaysia MSN(malaysia.msn.com) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,050 |

# Umno: Jangan hanya menangis, menteri kena lantang bela rakyat

KUALA LUMPUR, 16 Feb — Wakil rakyat Umno menggesa Datuk Salahuddin Ayub supaya jangan hanya pandai menangis tetapi mesti lebih “lantang” menyuarakan kesusahan rakyat.
Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata menteri pertanian seharusnya berani men...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Subsidi: Bukan salah Salahuddin tapi Guan Eng | | |
| MediaTitle | Sinar Harian(www.sinarharian.com.my) | | |
| Date | 16 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Subsidi: Bukan salah Salahuddin tapi Guan Eng

SHAH ALAM - Bekas Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub tidak boleh dipersalahkan berikutan pemotongan subsidi padi petani dan elaun sara hidup nelayan.
Beliau mendakwa, pemoto...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***